

Sunway Construction catat perolehan RM544.3 juta

KUALA LUMPUR - Sunway Construction Group Bhd.(Sunway Construction) mencatatkan perolehan bernilai RM544.3 juta bagi suku semasa berakhir 31 Mac 2018, meningkat berbanding RM417.3 juta yang direkodkan tempoh sama tahun sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai (PBT) turut mengukuh kepada RM45.2 juta berbanding RM41.9 juta yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lepas.

Pengarah Urusan Kumpulan Sunway Construction, Chung Soo Kiong berkata, peningkatan 30.4 peratus bagi perolehan itu dipacu oleh segmen pembinaan yang diimbangi oleh penyusutan segmen precast.

"Margin kumpulan sedikit terjejas disebabkan oleh kejatuhan keuntungan bagi segmen precast," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Soo Kiong berkata, segmen pembinaan mencatatkan perolehan bernilai RM511.6 juta dan PBT RM43 juta, berbanding RM387.2 juta dan RM35.6 juta masing-masing bagi tempoh sama tahun lepas.

"Perolehan lebih tinggi ini didorong oleh sumbangan lebih kukuh daripada bahagian bangunan dan awam di wilayah utara disokong oleh progres kerja-kerja yang lebih banyak," ujarnya.

Sehingga Jun lalu, buku tempahan kumpulan adalah bernilai RM5.8 bilion, dengan sejumlah RM854 juta tempahan baharu setakat ini.

Syarikat juga secara aktif meninjau kontrak-kontrak luar dan dalaman serta optimis untuk mencapai sasaran tempahan baharu bernilai RM1.5 bilion menjelang akhir tahun ini.